# PENDAHULUAN

Tema: Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)
Tugasan: Kebaikan-kebaikan Perindustrian Kecil dan Sederhana
Kata kunci: Kebaikan-kebaikan

| Tema | Huraian | Kehendak soalan |
| --- | --- | --- |
| | | |

Oleh itu, terdapat pelbagai kepentingan perindustrian kecil dan sederhana kepada masyarakat dan negara.

Dewasa ini, sektor perindustrian kecil dan sederhana (PKS) merupakan salah satu sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Sektor ini berkembang dalam pelbagai bidang seperti makanan, pertanian, pembuatan, kraftangan dan perkhidmatan yang melibatkan penglibatan masyarakat serta usahawan tempatan.

LIVEWORKSHEETS

# Teknik ToHuCoKeP

Tema: Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)
Tugasan: Kebaikan-kebaikan Perindustrian Kecil dan Sederhana
Kata kunci: Kebaikan-kebaikan

| Topik | Huraian | Contoh | Kesan | Penegasan |
|---|---|---|---|---|
| Antara kepentingan PKS ialah ... | Hal ini dikatakan demikian kerana | Sebagai contoh, | Kesannya, | Jelaslah bahawa |

menjana peluang pekerjaan kepada masyarakat.

perkembangan PKS dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

peluang pekerjaan yang lebih luas dapat membantu masyarakat memperoleh sumber pendapatan yang stabil, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerjaan di bandar-bandar besar.

perusahaan makanan, perusahaan kraftangan, bengkel pembuatan dan industri pemprosesan makanan dapat menawarkan pekerjaan kepada penduduk setempat mengikut kemahiran yang dimiliki.

kewujudan pelbagai PKS dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor lain memerlukan tenaga kerja untuk menguruskan operasi, pengeluaran, pemasaran dan pengedaran produk.

LIVEWORKSHEETS

# Teknik ToHuCoKeP

Tema: Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)
Tugasan: Kebaikan-kebaikan Perindustrian Kecil dan Sederhana
Kata kunci: Kebaikan-kebaikan

| Topik | Huraian | Contoh | Kesan | Penegasan |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| Selain itu, kepentingan PKS ialah .... | Hal ini dikatakan demikian kerana | Misalnya, | Impaknya, | Tegaslah bahawa |

- pada tahun 2024, PKS Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 5.8 peratus, manakala sumbangan PKS kepada KDNK meningkat kepada 39.5 peratus atau RM652.4 bilion
- menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- perkembangan PKS merupakan salah satu pemangkin penting kepada pertumbuhan dan ketahanan ekonomi negara.
- aktiviti pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh PKS menghasilkan nilai ekonomi serta menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara.
- keadaan ini dapat memperkukuh struktur ekonomi negara, meningkatkan aktiviti perniagaan serta mewujudkan rantaian ekonomi antara perusahaan kecil dengan syarikat yang lebih besar.

LIVEWORKSHEETS

# Teknik ToHuCoKeP

Tema: Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)
Tugasan: Kebaikan-kebaikan Perindustrian Kecil dan Sederhana
Kata kunci: Kebaikan-kebaikan

| Topik | Huraian | Contoh | Kesan | Penegasan |
|---|---|---|---|---|
| Di samping itu, PKS juga dapat.... | Hal ini dikatakan demikian kerana | Misalnya, | Implikasinya | Tegaslah bahawa |

usahawan tempatan dapat menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan berdaya saing, malah berpotensi menembusi pasaran antarabangsa serta memperluas pasaran produk buatan Malaysia.

PKS memberi ruang kepada usahawan untuk menghasilkan produk baharu, menggunakan teknologi, memperkukuh kemahiran pengurusan dan meneroka pasaran yang lebih luas.

dapat menggalakkan budaya keusahawanan serta meningkatkan daya saing produk tempatan.

perkembangan PKS melahirkan lebih ramai usahawan, dan meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran domestik dan antarabangsa.

kerajaan menggalakkan PKS meningkatkan penggunaan teknologi, ICT, kemahiran teknologi, akses pasaran serta penjenamaan produk bagi memperkukuh daya saing mereka

LIVEWORKSHEETS

# PENUTUP

Tema: Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)
Tugasan: Kebaikan-kebaikan Perindustrian Kecil dan Sederhana
Kata kunci: Kebaikan-kebaikan

| Kesimpulan | Cadangan | Harapan |
| --- | --- | --- |
| | | |

Oleh itu, semua pihak hendaklah berganding bahu untuk memperkasakan sektor PKS dengan memberikan sokongan, kemudahan dan peluang kepada para usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Dengan usaha yang berterusan, diharapkan sektor PKS akan terus berkembang sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat.

Kesimpulannya, perindustrian kecil dan sederhana sememangnya memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat dan negara.

LIVEWORKSHEETS